



Perlawanan persahabatan bola sepak UMP-UniKL

KUANTAN 17 Nov. – Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan mengadakan perlawanan bola sepak persahabatan dengan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di Stadium Darul Makmur di sini esok.

Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Nadzariah Mohamed berkata, perlawanan bermula pukul 4.30 petang itu merupakan idea Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah untuk merapatkan hubungan kedua-dua buah universiti tersebut.

“Tengku Abdullah merupakan Canselor UMP dan UniKL dan Tuanku melihat sukan bola sepak boleh dijadikan platform untuk memantapkan hubungan kerjasama antara kedua-dua buah universiti berkenaan pada masa akan datang,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Nadzariah berkata, antara yang dijangka hadir pada perlawanan persahabatan itu ialah Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Saifuddin Abdullah serta Presiden UniKL, Prof. Datuk Dr. Abdul Hakim Juri.

Tambahnya, turut dijangka menghadiri perlawanan persahabatan tersebut ialah Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim, pegawai-pegawai kanan, staf dan pelajar kedua-dua universiti berkenaan.